

MB: Selangor selaraskan PBT bantu perintah kawalan

SelangorKini.my

21 Mac 2020

by Afix Redzuan

SHAH ALAM, 21 MAC: Selangor menyelaraskan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membantu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata arahan berkuat kuasa serta-merta hari ini sehingga 31 Mac diputuskan pada mesyuarat koordinasi 'Selangor Gempur Covid-19', Jumaat lalu.

"Kerajaan Negeri sangat memandang serius kegagalan segelintir masyarakat yang masih mengabaikan arahan duduk di rumah selain daripada keperluan kritikal yang digariskan.

"Ini memungkinkan dampak penularan wabak Covid-19 berpotensi berpanjangan hanya kerana ketidakpatuhan masyarakat yang sebetulnya boleh ditangani," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Kawalan tambahan perkhidmatan yang perlu dipatuhi rakyat Selangor sepanjang tempoh ini adalah:

1. Bahan api dan pelincir

- a) Stesen minyak: Dibenarkan (Kedai serbaneka dihadkan sehingga 12 tengah malam sahaja)
- b) Pengeluaran, penapisan, penyimpanan, pembekal atau kebenaran: Dibenarkan
- c) Pentadbiran am dan lain-lain: Dibenarkan beroperasi pada kadar minima atau bekerja dari rumah

2. Pembekalan dan perkhidmatan penyediaan makanan

- a) Restoran dan warung: Pembekalan bahan mentah, pembungkusan, penghantaran dan pandu lalu dibenarkan dari jam 6 pagi hingga 12 tengah malam sahaja
- b) Restoran dalam hotel: Makan di dalam tidak dibenarkan
- c) Penjaja kecil, kendera saji dan medan selera: Tidak dibenarkan

3. Peruncitan

- a) Pasar raya: Dibenarkan untuk bahagian peruncitan (groceries) dan makanan sahaja sehingga 12 tengah malam (Penghantaran dibenarkan dan bilangan pembeli setiap keluarga perlu dihadkan)
- b) Kedai runcit dan serbaneka: Dibenarkan sehingga 12 tengah malam (Penghantaran dibenarkan dan bilangan pembeli setiap keluarga perlu dihadkan)
- c) Pasar awam atau pasar borong: Dibenarkan dari jam 5 pagi hingga 4 petang (Penghantaran dibenarkan dan bilangan pembeli setiap keluarga perlu dihadkan)
- d) Pasar malam atau pasar tani: Tidak dibenarkan

4. Pembaikan kenderaan

a) Perkhidmatan Pembaikan dan kedai alat ganti: Dibenarkan dari 9 pagi hingga 4 petang

b) Perkhidmatan tunda (towing): Dibenarkan

5. Cucian

a) Dobi, dobi layan diri: Tidak dibenarkan

b) Pusat cucian kereta atau motosikal: Tidak dibenarkan

© Copyright 2019 - Developed for the People of Selangor

Source: <https://selangorkini.my/2020/03/mb-selangor-selaraskan-pbt-bantu-perintah-kawalan/>